



30 SEP, 2024

Sindiket seludup rokok, arak RM13.9 juta tumpas

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



AMINUL Izmeer Mohd. Sohaimi (depan, tengah) bersama anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menunjukkan sebahagian arak yang dirampas dalam sidang akhbar di Johor Bahru, semalam.

Sindiket seludup rokok, arak RM13.9 juta tumpas

JOHOR BAHRU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menumpaskan enam kes penyeludupan rokok dan arak di negeri ini dalam tempoh sebulan dengan rampasan bernilai RM13.9 juta.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd. Sohaimi berkata, operasi tersebut dijalankan pihaknya di seluruh negeri serta satu di Kuala Lumpur.

Kata beliau, operasi pertama dijalankan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini pada 17 Julai lalu manakala operasi terakhir dibuat

pada 17 Ogos lalu secara serentak di beberapa daerah.

“Sindiket ini tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain, namun modus operandi digunakan adalah sama iaitu membuat pengiklanan tidak benar ke atas barang dagangan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Operasi terakhir dijalankan serentak di beberapa buah daerah antaranya Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Pontian dan Mersing yang menyaksikan 39 warga tempatan dan 37 warga asing ditahan,” ka-

tanya semalam.

Menurut Aminul Izmeer, kesemua kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 135 dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Sementara itu, Aminul Izmeer turut memaklumkan kejayaan pihaknya merampas dadah jenis methamphetamine, ketamin dan ekstasi seberat 2.9 kilogram bernilai RM1.3 juta.

Katanya, kejayaan itu direkod menerusi satu operasi dijalankan di Jalan Parit Perpat Laut, Rengit, pada pukul 2 petang, 10 Ogos lalu.



30 SEP, 2024

Sindiket seludup rokok, arak RM13.9 juta tumpas

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

AMINUL Izmeer Mohd. Sohaimi (depan. tengah) bersama anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menunjukkan sebahagian arak yang dirampas dalam sidang akhbar di Johor Bahru. semalam.

JOHOR BAHRU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor menumpaskan enam kes penyeludupan rokok dan arak di negeri ini dalam tempoh sebulan dengan rampasan bernilai RM13.9 juta. Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd. Sohaimi berkata, operasi tersebut dijalankan pihaknya di seluruh negeri serta satu di Kuala Lumpur.